



02 NOV, 2021

Tiada kompromi pihak langgar ketetapan SOP



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pilihan Raya Negeri

Tiada kompromi pihak langgar ketetapan SOP

PM tegaskan undang-undang tak lindungi mana-mana parti

Oleh Zanariah Abd Mutualib,
Mohd Iskandar Ibrahim,
Ahmad Suhael Adnan
dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kajang: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, kerajaan tidak akan berkompromi dengan pihak yang melanggar ketetapan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan COVID-19 pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Perdana Menteri berkata, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) memperincikan perkara yang

menyalahi ketetapan kerajaan dan hukuman yang boleh dikenakan.

"Undang-undang di negara kita, malah mana-mana undang-undang sekalipun meliputi semua pihak, semua individu, tidak ada sesiapa pun yang terlindung daripada undang-undang.

"Tiada yang kebal dari segi undang-undang, Akta 342 jelas dari segi hukuman dan kesalahan. Walaupun kita sekarang di Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), SOP yang jelas sudah diumumkan oleh kerajaan.

"Sesiajap sahaja, parti mana sekalipun tidak kebal daripada undang-undang. Jika mereka melakukan kesalahan, tindakan pasti diambil.

"Kita tidak ada kompromi, tidak ada istilah orang biasa dan orang kayangan. Undang-undang sama sahaja," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) serta Ins-

tit Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri mengulas mengenai dua parti politik yang dikompaun RM10,000 kerana melanggar SOP Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kompaun dikeluarkan kepada Barisan Nasional (BN) yang mengadakan majlis pelancaran jentera PRN Melaka di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada Khamis lalu.

PKR turut dikompaun RM10,000 selepas mengadakan program penerangan bergerak yang didakwa tanpa kehadiran perhimpunan di Taman Krubong Jaya, Sabtu lalu.

Pada 24 Oktober lalu, Khairy mengumumkan, sebarang aktiviti, perhimpunan atau majlis so-

sial berkaitan pilihan raya, termasuk majlis pelancaran jentera pilihan raya dilarang bermula 25 Oktober hingga 27 November ini.

Dalam isu berkaitan, Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata SOP kawalan COVID-19 tidak akan diubah untuk PRN Melaka.

"Kita ada dasar dan strategi kawalan wabak menerusi SOP ditetapkan. Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengubah SOP disebabkan permintaan piaku tertentu.

"Apabila kerajaan menetapkan SOP, kita tidak boleh kata perkara tertentu (bertentangan SOP) boleh dilaksanakan," katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Dr Lee Boon Chye (PH-Gopeng) yang bertanya mengapa SOP untuk PRN Melaka terlalu ketat sedangkan negeri itu berada dalam Fasa 4 PPV.



02 NOV, 2021

Tiada kompromi pihak langgar ketetapan SOP

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PM tegaskan undang-undang tak lindungi mana-mana parti

Kajang: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, kerajaan tidak akan berkompromi dengan pihak yang melanggar ketetapan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan COVID-19 pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka. Perdana Menteri berkata, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) memperincikan perkara yang menyalahi ketetapan kerajaan dan hukuman yang boleh dikenakan.